Samakan UMNO dengan Yahudi tidak berasas

AR 2002

Oleh LUQMAN HAKIM

JITRA 8 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Pas menyamakan UMNO dengan rejim Yahudi dan komunis sebagai tuduhan jahat yang tidak berasas.

Perdana Menteri turut menyelar parti pembangkang itu yang sanggup menabur fitnah mengenai percutiannya di Kutub Selatan yang merupakan suatu pembohongan.

Beliau menegaskan, tindakan Pas membuat fitnah membuktikan bahawa parti itu adalah pengkhianat kepada orang Melayu dan Islam kerana ia hanya membawa kepada perpecahan di dalam masyarakat.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir mengingatkan Pas agar menghentikan tabiatnya suka membuat fitnah yang sememangnya disebut dalam al-Quran sebagai lebih buruk daripada membunuh.

"Wahai ahlul fitnah..berhentilah daripada fitnah ini. Sedangkan dalam al-Quran...fitnah ini lebih buruk daripada membunuh. Membuat bohong, perkara yang tidak ada bukti, adalah fitnah dan tidak berasas.

"Tuduh UMNO sama seperti Yahudi, komunis...ini tuduhan yang amat jahat sekali yang tak berasas pada ajaran Islam," katanya kepada kira-kira 1,000 orang pemimpin dan ahli Barisan Nasional Kubang Pasu di Dewan Jitra, hari ini.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor baru-baru ini semasa berceramah di Kempas, Johor Bahru menyamakan UMNO dengan rejim Yahudi dan komunis.

Dalam ceramahnya, Fadzil mengulangi dakwaan kononnya pemimpin UMNO bertanggungjawab mengarahkan polis menyerang sekolah agama persendirian milik Ibrahim Libya ketika peristiwa Memali di Baling pada 1985.

Dr. Mahathir menambah: "Menuduh orang Islam lain sebagai Yahudi satu perbuatan pengkhianat, satu perbuatan yang sama memurtadkan orang Islam lain tanpa usul periksa."

Mengenai lawatannya ke Antartika yang dituduh oleh Pas telah menghabiskan wang kerajaan sebanyak RM3 juta, Dr. Mahathir menegaskan, tuduhan jahat Pas itu tidak benar.

Perdana Menteri menjelaskan: "Pergi ke Antartika, saya tak belanja sebanyak itu. Ia (belanja) datang dari poket saya dan saya berhak untuk cuti dibayar... tetapi tak banyak sampai tara tu (sebanyak itu)."

Beliau turut membidas sikap Pas yang tidak pandai bersyukur dan berterima kasih ekoran nikmat keamanan dan kekayaan yang terdapat di Malaysia, sedangkan kejayaan kerajaan telah diiktiraf oleh negara-negara luar.

Pada masa yang sama pula, katanya, pemerintahan Pas di Kelantan dan Terengganu membuktikan bahawa parti pembangkang itu gagal membawa sebarang pembangunan dan kemakmuran kepada rakyat di kedua-dua negeri sehingga terpaksa meminta wang daripada kerajaan Pusat untuk perbelanjaannya.

Menurut Dr. Mahathir, Pas patut bersyukur kerana kerajaan sejak merdeka berjaya membina banyak masjid dan umat Islam mampu menunai rukun Islam kelima, iaitu menunaikan haji selain membuat umrah.

Tegasnya, kehidupan sempurna orang Islam di negara ini amat berbeza berbanding dengan penderitaan dan kepayahan hidup yang dialami oleh rakyat Palestin dan Afghanistan.

"Pas adalah parti politik ketandusan modal selain menimbulkan kebencian kepada UMNO. Inilah orang yang mengkhianati orang Melayu dan Islam.

"Pas kini semakin lemah dan saya bersyukur semakin ramai masuk UMNO. Akhirnya kebenaran akan diterima," katanya.